



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 10/ 202 4(Oktober 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Suburkan Kasih, Semaikan Sayang	4 Oktober 2024M/ 1 Rabi'ulakhir 1446H
2.	Utamakan Kesihatan Mental Di Tempat Kerja	11 Oktober 2024M/ 8 Rabi'ulakhir 1446H
3.	Umpama Kebun Yang Subur	18 Oktober 2024M/ 15 Rabi'ulakhir 1446H
4.	Janji Yang Dilupakan	25 Oktober 2024M/ 22 Rabi'ulakhir 1446H
Khutbah Kedua		

دبىاىاءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىبتكن:



جابتن حال إحوال اگام اسلام فولاو فينغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Umpama Kebun Yang Subur

18 Oktober 2024M/ 15 Rabi'ulakhir 1446H
(Sempena Hari Pembasmian Kemiskinan 19 Oktober 2024)

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِيِّ الْمُتَّقِينَ، وَنَاصِرِ عِبَادِهِ الْمُسْتَضْعَفِينَ، يَقْضِي
بِالْحَقِّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ النُّورُ الْهَادِي
لِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحَابَتِهِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، يُصْلِحْ لَكُمْ
أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Pada hari yang penuh berkat ini, khatib ingin mengajak sidang jemaah semua untuk merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran atas nikmat iman dan Islam. Ayuh kita rebut kesempatan pada usia yang masih berbaki ini untuk terus memperkukuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapikan kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“Umpama Kebun Yang Subur.”**



SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mencari harta kekayaan itu suatu keperluan dalam kehidupan, malahan memang umat Islam disuruh mencari kekayaan selama ia selari dengan kehendak Islam bagi memenuhi tuntutan untuk melaksanakan tugas membiayai keperluan hidup sendiri, keluarga bahkan untuk membangunkan umat.

Harta amat penting bagi kehidupan manusia untuk menuju ke jalan yang diredhai Allah. Contohnya kita amat memerlukan harta apabila hendak mengerjakan haji. Sehubungan dengan itu, Islam tidak menegah manusia mencari habuan untuk kehidupan di dunia tetapi janganlah pula dilupai bekalan di akhirat. Hal ini jelas Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** nyatakan melalui firman-Nya dalam surah al-Qasas ayat 77:

وَأَبْتَغِ فِيمَا آءَاتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ... ﴿٧٧﴾

Maksudnya: “Carilah apa-apa yang telah dikurniakan Allah untuk kebahagiaan di akhirat dan janganlah pula lupa untuk habuan kamu di dunia.”

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Namun, sesuatu yang perlu diingatkan juga ialah harta kekayaan tidak akan membawa erti tanpa ada keberkatan. Dengan adanya keberkatan, harta atau rezeki yang sedikit akan dirasakan seolah-olah banyak dan mencukupi. Sebaliknya, walaupun hartanya banyak tetapi tidak ada keberkatan, akan dirasakan sempit dan susah. Justeru, harta

yang berkat ialah harta yang dibelanjakan di jalan Allah. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 265:

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطُلٌّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Maksudnya: “Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan Ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak di timpa hujan lebat renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan.”

Bidalan dalam ayat tersebut ditujukan khusus kepada orang beriman yang menafkahkan dan mengeluarkan harta mereka semata-mata untuk mencapai keredhaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Menafkahkan harta serta membelanjakan di jalan Allah merupakan antara elemen terpenting yang menunjukkan sifat ketaatan yang bersemadi di dalam jiwa seseorang ke hadrat Ilahi.

Hati yang dipenuhi dengan keimanan sahalalah yang akan membuatkan seseorang itu akan mengeluarkan hartanya demi mencapai keredhaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Hati seorang mukmin yang disuburkan melalui amalan sedekah adalah ibarat tanah subur yang disirami hujan, lalu mengeluarkan hasil yang banyak dan berlimpah-ruah.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,



Ibnu Kathir melalui kitab tafsirnya pula telah menukilkan pandangan Ibnu Abbas yang menyatakan bahawa keadaan kebun di dataran tinggi itu tentunya mempunyai sungai yang sentiasa mengalir yang sekaligus mengairi kebun tersebut. Begitulah betapa indah dan cantiknya gambaran kebun yang dinyatakan bagi menggambarkan kelebihan mereka yang membelanjakan harta di jalan Allah.

Az-Zamakhsyari dalam tafsirnya pula menyatakan bahawa bidalan ini telah menunjukkan bahawa sedekah yang dikeluarkan itu adalah laksana hujan. Sekiranya sedekah itu banyak maka ia seperti hujan yang lebat, sekiranya sedikit ia seperti hujan renyai-renyai.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Hakikatnya ialah orang yang mengeluarkan hartanya di jalan Allah dengan harapan untuk mencapai keredhaan Ilahi, akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk meneruskan amalan tersebut. Sekiranya mereka dikurniakan rezeki yang banyak, mereka akan mengeluarkan harta dengan banyak. Begitu juga sekiranya mereka dikurniakan rezeki yang sedikit, mereka tetap akan menginfakkannya walaupun sedikit.

Sehubungan dengan itu, wajar kita bertanya apakah kita mahu menjadi seumpama kebun yang subur dengan membelanjakan harta di jalan Allah atau menjadi kebun yang kering-kontang yang langsung tidak mendatangkan hasil? Tepuk dada, tanya iman!

SIDANG JEMAAH SEKALIAN,

Timbul pula satu persoalan; walaupun mengetahui keistimewaan dan kurniakan yang banyak bagi mereka yang membelanjakan harta di



jalan Allah, namun mengapakah masih terdapat mereka yang bakhil dan kedekut terutamanya dalam kalangan orang Islam itu sendiri?

Bagi menyelesaikan masalah ini, setiap individu perlu bermuhasabah dan bertanya diri sendiri persoalan-persoalan berikut:

Pertama: Adakah harta yang dimiliki adalah hak mutlak kita atau hak mutlak Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*?

Kedua: Adakah membelanjakan harta di jalan Allah akan menyebabkan harta kita semakin berkurangan atau semakin bertambah ekoran keberkatan yang dikurniakan Allah?

Ketiga: Adakah harta yang dikumpul di atas dunia ini akan berkekalan selamanya dan boleh dibawa sekali ke liang lahad?

Keempat: Adakah harta yang dimiliki boleh menjamin kebahagiaan seseorang sekiranya tidak ada keberkatan pada harta tersebut?

Kelima: Apakah yang paling penting dalam kehidupan seseorang demi menjamin kebahagiaan di akhirat kelak?

Sekiranya persoalan-persoalan di atas dapat dijawab dengan penuh rasional dan keinsafan, sudah tentu kita akan berusaha memanfaatkan harta yang dimiliki sebaik mungkin. Pasti kita akan membelanjakannya di jalan Allah demi kecemerlangan dunia dan akhirat. Kata-kata Ibrahim bin Adham boleh dijadikan panduan:

“Letakkanlah dinar dan dirham (wang ringgit) itu di atas tangan dan janganlah meletakkannya di dalam hati.”



HADIRIN YANG DIMULIAKAN,

Mengakhiri khutbah, marilah kita mengambil pengajaran daripada kesimpulan berikut:

Pertama: Cari dan berusaha dengan bersungguh-sungguh rezeki yang halal lagi berkat. Usah sesekali bakhil dan kedekut untuk membelanjakannya ke jalan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kedua: Orang yang beriman adalah mereka yang membelanjakan harta dengan penuh keikhlasan demi mencapai redha Allah semata-mata.

Ketiga: Harta yang kita ada adalah hak mutlak Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Hanya harta yang dibelanjakan di jalan Allah akan memberi syafaat kepada manusia selepas mati.

Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 14:

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ
وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَاكِ ۝١٤

Maksudnya: “Dihiaskan (dijadikan indah) bagi manusia perasaan suka akan benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak (bertimbun-timbun) daripada emas dan perak, kuda peliharaan yang terpilih lagi terlatih dan binatang ternakan dan kebun tanaman. Semua itu hanyalah kesenangan hidup di dunia sedangkan di sisi Allah ada sebaik-baik tempat kembali (iaitu syurga).”



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ





Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،



اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

